



Ruj: KKM.500/3/4/9 Jld.9 (28)

Tarikh: 21 Ogos 2019

SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PELAWAAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA) BAGI PERMOHONAN KEMUDAHAN BIASISWA TAJAAN BADAN ASING TAHUN 2020 ; JICA KNOWLEDGE CO-OPERATION PROGRAM FOR LONG TERM PARTICIPANTS – SDGS GLOBAL LEADER (JFY2020)

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mempelawa semua pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) yang berminat untuk memohon kemudahan penajaan biasiswa bagi peringkat pengajian sarjana dan Doktor Falsafah (Ph.D) di Jepun di bawah program *SDGs Global Leader (JFY2020)*. Permohonan dibuka bermula **8 Ogos 2019**.
3. Semua permohonan mesti memenuhi syarat-syarat seperti yang dinyatakan di dalam surat tawaran **JPA (I) S.179/17/2-11Jld.3(32)** dan boleh dimuat turun di laman web <http://esilav2.jpa.gov.my>.
4. Calon perlu melayari dan memohon secara dalam talian melalui portal JPA seperti yang tersebut di atas. Tarikh tutup permohonan secara dalam talian di portal JPA adalah pada **30 Ogos 2019**, namun calon di **Kementerian Kesihatan Malaysia** perlu mengemukakan permohonan ke **Bahagian Pengurusan Latihan** pada/sebelum **30 Ogos 2019** untuk tindakan Bahagian ini selanjutnya.



5. Calon dinasihatkan untuk memahami dan mengikuti tatacara permohonan bagi mengelakkan permohonan tersebut ditolak. **Ketua Jabatan adalah dicadangkan supaya hanya menyokong dan mempertimbangkan calon-calon yang layak, sesuai serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.**

6. Calon perlu melengkapkan dan menghantar:-

- i. Tiga (3) salinan Borang Permohonan Online JPA yang dicetak daripada sistem permohonan <http://esilav2.jpa.gov.my>.
- ii. Borang JPA(L)LDP 1A/96 (**Lampiran B**) tidak perlu diisi oleh pemohon dan akan dilengkapkan oleh urusetia di Bahagian Pengurusan Latihan;
- iii. Tiga (3) salinan Borang Perakuan Ketua Jabatan (**Lampiran C**);
- iv. *Jica* Application Form – diisi dalam Bahasa Inggeris
 - Official Application (Kosongkan ruangan 'Confirmation by the organization in charge (if necessary)
 - Part A : Information on the applying Organization
 - Part B : Information about the Nominee (lengkap dengan gambar berukuran 4cm x 3cm)
 - Declaration of desired university placement
 - Research and career Plan
- v. Tiga (3) salinan Kad Pengenalan;
- vi. Tiga (3) salinan Sijil Ijazah Pertama atau kelulusan yang setaraf dengannya (skrol dan transkrip yang telah disahkan);
- vii. Tiga (3) salinan passport yang disahkan;
- viii. Tiga (3) salinan TOEFL/IELTS/CEFRL (sekiranya ada)
- ix. Bagi pegawai Perkhidmatan gunasama, permohonan hendaklah dikemukakan melalui Kementerian masing-masing. Bagi pegawai Perkhidmatan Bukan Gunasama, permohonan hendaklah dikemukakan melalui Ketua Perkhidmatan masing-masing. Permohonan dengan dokumen yang tidak lengkap dan tidak dikemukakan melalui Kementerian atau Ketua Perkhidmatan serta tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan tidak akan diproses untuk tujuan pertimbangan.

Dokumen-dokumen tersebut perlu dihantar sebelum/pada **30 Ogos 2019** kepada:-

Program Kepakaran 2
Cawangan Pentadbiran dan Pengurusan Latihan
Bahagian Pengurusan Latihan, KKM
Aras 6, No 26, Persiaran Perdana, Presint 3
62675, Putrajaya
(u/p: En. Mohd Akbal Bin Ghazali)

7. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk memaklumkan tawaran ini kepada semua anggota yang berminat dan berkelayakkan di Jabatan YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(AZLAN BIN AHMAD)
Bahagian Pengurusan Latihan
b.p Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k.

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Sokongan&Teknikal)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kanan,
Bahagian Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kanan,
Bahagian Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah,
Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kanan,
Bahagian Keselamatan Dan Kualiti Makanan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Semua Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan)

